

PM beri jaminan SSPA kali ini terbaik pernah diperkenalkan

Komitmen naikan gaji penjawat awam melebihi 13 peratus tetap dilaksana Disember ini

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Bangi: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi jaminannya Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang bakal diumumkan dan dimuktamadkan ketika Belanjawan 2025, adalah yang terbaik pernah diperkenalkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, komitmen menaikkan gaji penjawat awam melebihi 13 peratus bermula Disember ini, akan dijayakan, biarpun negara dibebani hutang tinggi mencecah RM1.5 trilion.

Beliau berkata, pentadbirannya menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertungkus lumus mencari jalan menjayakan komitmen itu, disamping memastikan tiada sektor perkhidmatan awam yang tertinggal dan segala kelompangan diisi.

"SSPA ini ada dua pihak kritik. Ahli ekonomi kata, Anwar tidak praktikal, dia nak popular maka tidak ada wang, dia naik juga dan jumlahnya besar.

"Yang satu pihak lagi (pembangkang) kata, tidak mungkin



Anwar membantu dua murid sekolah memasukkan kapsul masa sambil perhatikan Fadhlina, Amirudin, Wan Ahmad Dahlan (kanan) dan Aminuddin (dua dari kanan) pada Majlis Sambutan Jubli Emas NUTP di Bangi, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

berlaku. Tak mengapa, kamu tunggu. Kalau naik, aku mahu tengok muka kamu di mana.

"Skim ini yang akan saya umumkan dalam masa singkat, dimuktamadkan ketika belanjawan, tentunya saya anggap terbaik yang pernah diumumkan dalam negara," katanya ketika berucap pada sambutan Jubli Emas Penubuhan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

(KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Presiden NUTP, Aminuddin Awang.

Tertinggi dalam sejarah

Pada 1 Mei lalu, Anwar mengumumkan penjawat awam bakal menikmati kenaikan gaji lebih 13 peratus yang juga kadar tertinggi dalam sejarah perkhidmatan awam negara, seiring pengenalan SSPA.

Perdana Menteri berkata, kenaikan gaji itu mesti diiringi de-

ngan peningkatan khidmat dan produktiviti penjawat awam.

"Saya harap betul-betul. Skim baik, khidmat penjawat awam harus juga meningkat. Orang ramai yang terpaksa menunggu berjam-jam di pejabat kerajaan, baik pejabat daerah, Jabatan Imigresen, JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan), sebaiknya hentikan amalan ini. Kerja dengan sebaik mungkin," katanya.

Anwar menegaskan, beliau juga tidak kisah dan sudah lali dengan kritikan orang ramai di media sosial terhadap usaha pen-

tadbirannya melawan rasuah dan melaksana pelbagai reformasi kepada pentadbiran awam.

"Dalam media sosial saya kena maki berbakul-bakul. Apa saya peduli. Selagi saya ada kuasa, diberi mandat kerajaan dan ihsan Yang di-Pertuan Agong, saya akan kerja sekuat mungkin.

"Adakah dia mengganggu pandangan kita? Tidak mengganggu. Dalam dua minggu ini kita akan mesyuarat lagi. Saya nak pastikan apabila saya umumkan begitu, mungkin segala kelompangan itu dapat diisi," katanya.